



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 18 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KUCING MATI DIRACUN DIBUANG DARI TINGKAT ATAS, NEGERI, SH-20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	KALAU KE LAUT, ADALAH GAJI, LOKAL, HM-8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	RAMAI MULA TUKAR BUAH TEMPATAN KERANA SST, NEGARA, KOSMO-6	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	FAMA SASAR BUKA 50 CAWANGAN KOPIESATU DALAM MASA TIGA TAHUN, EKONOMI, UM-31	
5.	REVAMPED FISHERIES LAW TO PACK MORE BITE, NATION, THE STAR-4	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
6.	DURIAN HULU BESUT ADA KELAS TERSENDIRI, NEGARA, KOSMO-14	LAIN-LAIN
7.	DURIAN HULU BESUT BURUAN ORANG RAMAI, DALAM NEGERI, MEDIA MULIA-31	
8.	SPECIAL HATS TO FIGHT FRUIT SUNBURN IN PEKAN NANAS, NEWS, STAR METRO-5	
9.	MUD CRAB PROJECT SET TO BOOST INCOME OF FISHERMAN, NATIONAL, THE SUN-4	
10.	EMPANGAN BUKIT MERAH KERING, NASIONAL, BH-14	
11.	SUNGAI LEREH JADI PROJEK PERINTIS TERNAKAN MODEN KETAM NIPAH, DALAM NEGERI, UM-28	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	20

Kucing mati diracun dibuang dari tingkat atas

AMPANG - Penduduk Pangsapuri Seri Nilam, Bandar Baru Ampang di sini menggesa pihak berkuasa menjalankan siasatan terperinci serta mengambil tindakan tegas terhadap pelaku kejadian penderaan dan pembunuhan kucing jalanan di kawasan berkenaan.

Mereka turut menuntut agar pelaku dikenakan hukuman setimpal mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015, susulan beberapa kejadian kejam melibatkan lebih kurang 10 ekor kucing yang didakwa diracun dan dibuang dari tingkat tinggi sejak awal bulan ini.

Bagi penduduk kawasan itu, tindakan membunuh kucing jalanan dianggap sangat keterlaluan dan tidak berperikemanusiaan.

Rohani Osman, 60, berkata, sebagai masyarakat beragama, adalah menjadi kewajipan untuk berlaku ihsan terhadap haiwan, lebih-lebih lagi kucing yang juga disebut dalam ajaran Islam.

"Saya anggap kucing ini juga seperti manusia, dia makhluk bernyawa dan disayangi Nabi.



ROHANI

"Kalau pelaku sanggup buat begitu, memang kejam sangatlah dia," ujarnya ketika ditemui pemberita di pangsapuri berkenaan pada Khamis.

Sementara itu, penduduk, Zila Abdul Rahman, 49, turut meluahkan kebimbangan terhadap pendedahan kanak-kanak kepada kekejaman terhadap haiwan yang boleh mempengaruhi perkembangan

emosi dan tingkah laku mereka.

"Kalau anak-anak kecil terbiasa tengok kucing diseksa atau dibunuh, ia boleh bentuk jiwa yang keras," ujarnya.

Beliau berharap, pihak berkuasa segera menyiasat kes ini secara menyeluruh agar pelaku sebenar dibawa ke muka pengadilan.

Seorang lagi penduduk, Zie Azhar, 54, menyifatkan kejadian itu amat kejam, apatah lagi apabila banyak bangkai kucing ditemui di kawasan awam.

Beliau mendesak pihak berkuasa termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bertindak lebih cepat dan tidak membiarkan isu ini berpanjangan walaupun jabatan itu sudah



Antara bangkai kucing ditemui di sekitar pangsapuri berkenaan sebelum ia tular di media sosial.

turun padang untuk melakukan siasatan.

Sebelum ini, aktivis kebajikan haiwan, Shima Aris, pernah menggesa DVS untuk lebih proaktif dalam isu penderaan haiwan, terutamanya apabila melibatkan kawasan perumahan awam dan kucing jalanan.

Setakat ini, belum ada sebarang kenyataan rasmi daripada DVS mahupun pihak berkuasa tempatan mengenai hasil siasatan atau sebarang tangkapan berhubung kes tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2025	HARIAN METRO	LOKAL	8

Kalau ke laut, adalah gaji...

Nelayan berjaya ubah nasib jadi usahawan kebun kerang dengan hasil jualan ratusan ribu ringgit

2030 PERAK SEJAHTERA

Oleh Muhamad Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Manjung

Hidupnya dahulu ibarat 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Dengan pendapatan tidak menentu sebagai nelayan pesisir pantai, ada kalanya beliau tidak layak pun dikategorikan dalam golongan B40.

Namun, berkat usaha gigih dan tidak kenal erti putus asa, Saidin Kornain, 60, kini mampu tersenyum bangga apabila berjaya mengubah nasibnya menjadi seorang usahawan kebun kerang yang disegani, dengan hasil jualan tahunan mencecah ratusan ribu ringgit.

Anak jati Lekir itu berkata, titik perubahan dalam hidupnya bermula pada Oktober 2020 apabila beliau menerima tawaran daripada Jabatan Perikanan (DOF) untuk mengusahakan satu lot kebun kerang di perairan Lekir.

"Sebelum ini, saya bekerja sebagai nelayan. Saya selalunya ambil kerang kasar di pesisiran pantai untuk

dijual.

"Pendapatan sebulan kadang-kadang tak sampai pun RM2,000. Kalau kita ke laut, adalah gaji. Kalau tak, tak adalah," katanya kepada Harian Metro.

Dengan modal permulaan hanya RM10,000 bantuan DOF, Saidin memulakan langkah pertamanya dalam dunia ternakan kerang, walaupun tanpa sebarang pengalaman praktikal.

Pada peringkat awal, beliau pernah menanggung kerugian besar sehingga RM300,000 akibat benih kerang yang ditabur mati kerana kurang pengetahuan mengenai keadaan dasar laut.

"Saya ambil inisiatif be-

lajar dengan penternak lain, baru saya tahu puncanya di samping khidmat nasihat dari DOF."

"Saya mencuba lagi dengan hasil yang tinggal dan Alhamdulillah sekarang dah boleh tebus kerugian

Saya ambil inisiatif belajar dengan penternak lain, baru saya tahu puncanya di samping khidmat nasihat dari DOF"

Saidin Kornain

dan mendapat keuntungan," katanya yang turut terpaksa membuat pinjaman bank sebanyak RM300,000 untuk membangunkan kebunnya.

Kini, bapa kepada empat anak itu bukan sahaja berjaya mengubah nasib keluarganya, malah turut menjadi 'bos' kepada 30 nelayan tempatan yang kebanyakannya kini sudah terkeluar dari kepompong kemiskinan B40.

"Dalam 30 pekerja saya,

20 orang sudah melepasi B40. Ada yang dapat pendapatan sehingga RM9,000 sebulan.

"Tahun lepas sahaja, saya berjaya mengeluarkan 265 metrik tan kerang dan jual RM8 sekilogram," katanya sambil tersenyum, membuktikan bahawa dengan keazaman, sesiapa sahaja boleh berjaya.

Saidin berterima kasih kepada DOF yang membuka peluang kepadanya bertepatan tugas jabatan berkenaan sebagai agensi pelaksana flagship Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) di bawah pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan ilham Menteri Besar, Datuk Seri Sarani Mohamad.



Saidin berjaya menjadikan ternakan kerang sebagai sumber pendapatannya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2025	KOSMO	NEGARA	6

Ramai mula tukar buah tempatan kerana SST

REMBAU – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjangkakan permintaan buah-buahan tempatan akan meningkat susulan pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap buah-buahan import.

Ketua Pengarahnya, Abdul Rashid Bahri berkata, trend semasa menunjukkan perubahan ke arah sokongan kepada produk tempatan dapat dilihat termasuk apabila pihak penyedia makanan mula menggantikan buah import dengan buah tempatan.

Menurutnya, buah-buahan tempatan seperti pisang dan nenas kini menjadi pilihan utama pihak penyedia makanan bagi majlis-majlis rasmi kerajaan, menggantikan buah

import seperti epal, oren dan anggur.

"FAMA menerima banyak pertanyaan dan permintaan bekalan buah-buahan tempatan daripada penganjur program kerajaan dan swasta. Kami juga mengambil langkah proaktif memperluaskan kempen menggalakkan rakyat memilih buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan.

"Sebelum ini sudah dijalankan, namun kali ini pendekatannya lebih meluas termasuk di sekolah, program Agro Madani, Hari Peladang dan FAMA Fest peringkat kebangsaan yang dijadualkan pada Selasa depan," katanya kepada pemberita sempena Majlis Perasmian Outlet Kopiesatu di Petron Pedas, di sini semalam.



BUAH tempatan menjadi hidangan sampingan di majlis-majlis bagi menggantikan buah import yang kena SST. – GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	31

FAMA sasar buka 50 cawangan Kopiesatu dalam masa tiga tahun

REMBAU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan sebanyak 50 cawangan Kopiesatu dalam tempoh tiga tahun akan datang, sekali gus mengangkat jenama kopi tempatan dalam kalangan usahawan setempat.

Ketua Pengarahnya, Abdul Rashid Bahri berkata, jenama kopi berkenaan yang mendapat permintaan menggalakkan itu telah membuka 23 cawangan di seluruh negara dan 13 daripada beroperasi di bawah pihaknya sendiri.

Menurutnya, 10 lagi cawangan diusahakan oleh usahawan melalui program pelesenan meliputi pelbagai kemudahan dan sokongan seperti pentadbiran, latihan, sistem perisian POS, uniform

berjenama Kopiesatu, promosi, pemantauan serta sokongan pelesenan berterusan.

"FAMA sasar 50 cawangan Kopiesatu dalam masa tiga tahun (akan datang). Buat masa ini, kami lihat sambutan yang diterima luar biasa. Ini merupakan kejayaan terbaik kami dan kami bukan nak berlawan sangat dengan jenama lain.

"Usaha utama kita lebih kepada untuk meningkatkan usahawan-usahawan kafe kopi pada kadar mampu milik. Setakat ini, cawangan Kopiesatu ada di pejabat kerajaan, stesen minyak dan lain-lain lagi.

"Walaupun kami tak terlalu agresif, tapi Kopiesatu ada segmen yang baik. Kopiesatu akan

terus memainkan peranan penting dalam merancakkan sektor makanan dan minuman serta industri asas tani negara melalui penglibatan aktif usahawan tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sempena Majlis Perasmian Pembukaan Outlet Kopiesatu di Petron Pedas, di sini, semalam.

Untuk rekod, Kopiesatu merupakan jenama kopi tempatan milik penuh FAMA yang telah berada di pasaran sejak tahun 2001.

Inisiatif berkenaan bukan sahaja menawarkan cita rasa kopi tempatan yang berkualiti tinggi, malah berperanan sebagai platform pembangunan usahawan, khususnya dalam bidang ma-

kanan dan minuman.

Dalam pada itu, Abdul Rashid berkata, objektif utama penubuhan Kopiesatu adalah untuk menjadi peneraju kepada usahawan kecil dan sederhana dalam industri kopi, memenuhi permintaan terhadap produk kopi tempatan dan seterusnya mempromosikan industri asas tani negara.

Malah menurutnya, Kopiesatu turut memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kewujudan jenama kopi tempatan yang berkualiti tinggi serta berdaya saing.

"Model perniagaan Kopiesatu ditawarkan secara pelesenan dengan yuran sebanyak RM20,000.

Revamped fisheries law to pack more bite

KUALA LUMPUR: Major amendments to the Fisheries Act 1985 will impose increased penalties on various offences, including intrusion by foreign fishermen into Malaysian territorial waters, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He added that the amendments aimed to increase the punishment for offenders, although the increased penalties will still be lower than those in the regulations in Indonesia and Thailand.

Mohamad said that among the other amendments is control on certain types of nets and equipment that will destroy sea life.

"The amended Act will also protect live turtles from being sold and ensure that these animals do not go extinct," he said after opening the National Fishermen's Association (Nekmat) annual general meeting here yesterday.

He said the amendments will go through their first reading in the Dewan Rakyat next week.

Earlier in his speech, Mohamad said that the subsidised diesel will continue to be supplied for fishermen registered with Nekmat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2025	KOSMO	NEGARA	14



KAMARUDDIN menunjukkan durian kampung Hulu Besut yang baru gugur di kebun di Kampung Lubuk Kawah, Hulu Besut semalam.

Durian Hulu Besut ada kelas tersendiri

BESUT – Biarpun cuma durian kampung, namun raja buah Hulu Besut mempunyai peminatnya tersendiri disebabkan isinya yang tebal, rasa lemak manis dan berwarna kuning.

Sebanyak empat tan durian kampung diusahakan penduduk terjual sejak bulan lalu.

Seorang pemborong, Kamaruddin Che Umar, 67, berkata, setiap hari, dia mampu menjual kira-kira 100 kilogram durian kampung Hulu Besut dan mendapat permintaan bukan hanya sekitar Terengganu malah hingga ke Lembah Klang.

“Ramai mengaku puas menikmati buah durian kampung Hulu Besut yang setan-

ding varieti kacukan dan kah-win,” katanya di sini semalam.

Kamaruddin berkata, harga borong durian kampung Hulu Besut meningkat kepada RM8 sekilogram berbanding cuma RM2 sekilogram tahun lalu.

Seorang pekebun, Mohd. Daud Abdullah, 60, berkata, walaupun pengeluaran merosot, musim durian tetap memberikannya pendapatan sampingan yang agak lumayan.

“Kami memiliki kebun durian seluas 0.8 hektar yang ditanam 96 batang pokok durian. Alhamdulillah, sebahagian besar buah durian yang gugur telah ditunggu pemborong untuk membelinya,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2025	MEDIA MULIA	DALAM NEGERI	31

Durian Hulu Besut buruan orang ramai

Oleh WAN ZURATIKAH
IFFAH WAN ZULKIFLI
utusannews@mediamulia.com.my

BESUT: Isi tebal dan rasa manis membuatkan durian kampung dari Hulu Besut, di sini mendapat permintaan tinggi dan setanding dengan buah durian kacukan.

Keistimewaanannya itu menyebabkan durian kampung terbabit mempunyai peminat tersendiri dan menjadi buruan setiap kali musim buah-buahan.

Seorang pemborong buah, Kamaruddin Che Umar, 67, berkata, peminat buah durian Hulu Besut bukan hanya dari Terengganu malah mendapat permintaan yang tinggi di Kuala Lumpur dan Selangor.

"Isinya tebal, lemak dan manis termasuk ulasnya berwarna kuning membuatkan penggemar durian menantikannya. Setiap tahun durian di Hulu Besut dijual di luar Terengganu dan menjadi antara raja buah yang sering ditunggu-tunggu bagi mereka yang pernah merasai sendiri keunikannya," katanya ketika ditemui di Kampung Lubuk Kawah, Hulu Besut.

Kamaruddin berkata, sebaliknya pengeluaran buah durian pada tahun ini menurun berlipat kali ganda berbanding tahun-tahun sebelum ini yang mana pu-



KAMARUDDIN Che Umar menunjukkan buah durian isi kuning yang menjadi buruan ramai peminat durian Hulu Besut, Terengganu.
- UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

rata buah dibeli daripada pekebun menurun sehingga empat tan metrik.

Menurutnya, bagi musim ini, purata pembelian yang diperoleh daripada pekebun hanya sekitar 100 kilogram buah sehari dan dianggarkan empat tan metrik sepanjang 40 hari tempoh tuaian durian.

Berbanding tahun lalu, pengeluaran buah itu mencapai satu tan metrik sehari dan lebih 30

tan metrik dalam tempoh yang sama bagi tahun ini.

"Tahun ini durian kurang menjadi ekor keadaan cuaca yang tidak menentu menyebabkan bunga-bunganya luruh sebelum sempat menjadi buah. Pokok durian sangat sensitif apabila hujan berterusan yang menyebabkan bunganya luruh meskipun pada awalnya jumlah bunga yang keluar sangat banyak," katanya.

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

FRUIT farmers are adjusting their operational procedures to cope with the scorching temperatures.

Pineapple farmer Haleem Lim said April to June were typically the hottest months in Malaysia, which increased the risk of fruit decay if preventive steps were not taken.

"Too much sun exposure will cause the fruits to suffer 'sunburn', meaning they get dark patches on the skin.

"Pineapple species such as MD2, Jaspine and Yankee, which have thinner skin, are more vulnerable and susceptible to burns," he told *StarMetro*.

The 58-year-old, who has been farming pineapples for more than a decade in Pekan Nanas, Pontian in Johor, said the fruits might develop holes in the skin, giving way to mould to spread thus making them inedible.

To mitigate this issue, he said the fruits were usually covered about 1.5 months before harvest to minimise risk.

"The trend of putting 'hats' on pineapples started 10 years ago when the climate became increasingly hot.

"These days, it has become part of our procedures for pineapple farmers, especially during the hot months," he said.

He added that some 20 years ago, it was still possible to leave the fruits uncovered year-long without worrying about sun damage.

Lim, who also produces pineapple products such as juices, jams and cooking sauces, said an average pineapple planting cycle took about 14 months from planting to harvesting.

He said some farmers had taken various steps to adapt to the hot weather, to avoid losses.

Meanwhile, Federation of Malaysia Fruit Farmers Association president Koh Lai Ann said proper soil management was

Special hats to fight fruit sunburn in Pekan Nanas

Farmers: Soil management also key to ensuring healthy crops



A worker showing a dark patch on a pineapple that received too much sun exposure at Lim's farm, which sees many of the fruits wearing 'hats' these days to protect them during the hot months.
— THOMAS YONG/The Star

essential to ensure healthy fruits and minimise losses due to extreme weather.

"I am a watermelon farmer and face similar challenges.

"As we do not have control over the weather, we adapt by managing soil health using the right tools and organic fertiliser.

"Of course, this increases operating

costs but we want to minimise risk — one rotten fruit may cause the fruits in the whole plot to get discarded."

Koh said changing weather patterns

were also contributing to the rise in fruit-related diseases.

"With climate change increasingly affecting crop quality, adapting to the weather is necessary to ensure the fruits

remain marketable and safe for consumption," Koh added.

Malaysia Meteorological Department director-general Dr Mohd Hisham Mohd Anip had said the main cause for the current hot and humid weather was the

southwest monsoon that began on May 10, with the phenomenon expected to continue until September.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2025	STAR METRO	NEWS	5

Mud crab project set to boost income of fishermen

MALACCA: A strategic collaboration between fishermen in Langkawi and Pantai Kundor is being developed through an innovative pilot project on mud crab farming, which is expected to become a new economic driver, particularly during the monsoon season.

Pantai Kundor assemblywoman Tumimah Kadi said the project, spearheaded by the Malaysian Innovation Foundation in collaboration with the Science, Technology and Innovation Ministry, not only involves technology transfer but also serves

as a platform to connect fishing communities from two different states to share knowledge, techniques and experience in modern mud crab farming.

"We will adapt the successful mud crab farming model implemented in Langkawi as the foundation for the Malacca project, making the necessary adjustments based on local geographical conditions," she said.

Tumimah added that selected fishermen representatives will travel to Langkawi to learn modern farming

techniques, including soft-shell crab production technology, which will later be adapted at several identified locations in Malacca based on suitability.

She was speaking after visiting a proposed mud crab and mussel farming site at the Sungai Lereh fishing jetty.

The project is seen as a long-term measure to help fishermen whose income is often affected during the monsoon season, when fishing activities are restricted.

"With mud crab farming, fishermen

can generate income throughout the year without depending on sea conditions. This is not just a farming project but an economic lifeline during the monsoon season," she said.

Tumimah explained that innovative farming methods will be used, such as small-scale plastic boxes with a saltwater flow system, which has been researched for its suitability.

She added that initial studies have found the availability of mud crab seeds in the Sungai Lereh area, giving the project an advantage in developing an

industry with strong local and international demand.

"Langkawi has proven this model works. Now, it is Malacca's turn to adapt this innovation with the help of the ministry and experienced entrepreneurs. If this pilot project succeeds, we aim to expand it to fishing cooperatives and involve the younger generation in coastal areas.

"Apart from mud crabs, we will also study the potential for mussel farming at several fishing jetties," she said.

— Bernama

Empangan Bukit Merah kering

Paras air surut akibat kemarau sukarkan nelayan sungai, pesawah peroleh rezeki

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmad Pauzi
shnews@bh.com.my

Jagan Serai: Empangan Bukit Merah di sini, mengalami kekeringan akibat kemarau susulan berkurangan hujan di kawasan talahannya sejak beberapa bulan lalu.

Paras air yang surut itu menyulitkan kehidupan nelayan sungai yang selama ini menajikan empangan terbahit sebagai empat mencari rezeki apabila ampan digunakan mereka terandas di kawasan yang kering.

Selain itu, petani sekitar yang selama ini bergantung kepada empangan terbahit sebagai sum-

ber bekalan air untuk kawasan sawah masing-masing turut berdepan masalah apabila tumbesaran padi terbantut.

Ketua Unit Peladang Kawasan Parit Haji Ali Beriah, Mohd Zaini Saarani, berkata kawasan sawah padi yang diusahakan mereka kini kekeringan akibat ketiadaan bekalan air dari empangan Bukit Merah.

Bellau mendakwa, sudah enam musim petani di kawasan terbahit berdepan masalah bekalan air bagi mengusahakan sawah padi masing-masing hingga menyebabkan mereka sering kali kerugian.

"Jika dilihat keadaan tumbesaran anak padi di sini, keadaannya seperti baru berusia dua minggu sahaja, sedangkan hakikatnya sudah lebih 55 hari. Jika diikutkan usianya, padi di sini sepatutnya sudah mulai bunting tetapi keadaan itu kini terganggu.

"Dari mula menabur benih sehingga ke hari ini, kawasan sawah kami hanya dua kali sahaja menerima hujan, manakala air dalam parit masuk ke sini pula tiada kerana Empangan Bukit



Keadaan Empangan Bukit Merah dari Kampung Selamat yang kekeringan akibat kemarau. (Foto TVN)

Merah turut kering," katanya.

Mohd Zaini berkata, pelbagai usaha dibuat petani kawasan itu termasuk menggunakan pam bergerak, namun bekalan air masih tidak memadai bagi menampung keperluan sawah masing-masing.

"Puluhan pam bergerak kami guna selain pam yang dibekalkan agensi berkaitan, namun masih tidak mencukupi. Air dalam parit juga kering, mana lagi kami nak cari bekalan air.

"Jika keadaan ini berterusan, kami mungkin menanggung kerugian lagi pada musim ini. Walaupun ada bantuan bencana daripada kerajaan tetapi tidak boleh menampung pelbagai kos yang kami keluarkan dari mula penanaman padi," katanya.

Mahu tukar tanam sawit

Pesawah, Mat Noor Mat Isa, 61, berkata sekiranya tiada tindakan penyelesaian dari pihak berkuasa, mereka mungkin akan me-



Bot nelayan sungai tersadal akibat air surut.

nukar tanaman padi yang diusahakan selama ini kepada tanaman kelapa dan sawit.

"Jika dulu kami mampu peroleh purata 3.5 tan padi bagi sehektar sawah, sekarang nak dapat 500 kilogram pun belum pasti.

"Sekarang kos mengusahakan sawah padi semakin tinggi, dari kos beli benih, racun, upah dan

kos jentera, kami tidak mampu lagi terus menanggung kerugian setiap musim," katanya.

Bellau berkata, kerajaan perlu menyegerakan projek pemindahan air dari Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah atau membina sebuah lagi empangan baharu di sini bagi menampung keperluan sawah padi.



Mohd Zaini menunjukkan keadaan sawah padi miliknya yang terbantut akibat ketiadaan air. (Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Sungai Lereh jadi projek perintis ternakan moden ketam nipah

MELAKA: Kawasan perairan jeti nelayan Sungai Lereh menjadi projek perintis penternakan ketam nipah berasaskan inovasi dan kupang sekali gus membuka peluang sumber pendapatan tambahan nelayan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Tuminah Kadi berkata, kaedah penternakan ketam nipah berasaskan inovasi itu akan mengikut kaedah nelayan di Langkawi bagi berkongsi ilmu, teknik dan cara menternak spesies itu secara moden.

“Sebagai permulaan kawasan perairan jeti nelayan Sungai Lereh akan menjadi projek perintis. Kajian akan dibuat untuk melihat keadaan air laut sekitar jika ia sesuai untuk penternakan ketam nipah moden.

“Inovasi baharu ketam nipah

seperti di Langkawi ia lembut dan inilah penternakan yang akan ditunjuk ajar kepada nelayan di jeti nelayan Sungai Lereh. Mereka akan dihantar ke Langkawi untuk mempelajari cara penternakan moden.

“Jika projek perintis ini berjaya barulah ia akan diperluaskan kepada enam jeti nelayan di sekitar DUN Pantai Kundor,” ujarnya kepada pemberita selepas melawat tapak lokasi cadangan ternakan ketam nipah dan kupang di jeti nelayan Sungai Lereh di sini semalam.

Tuminah yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Operasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri berkata, kajian awal menunjukkan benih ketam nipah telah wujud di kawasan berkenaan dan memudahkan

bagi pelaksanaan projek tersebut nanti.

Menurutnya, kaedah penternakan secara inovatif yang akan dijalankan dalam petak-petak plastik berskala kecil dengan menggunakan sistem aliran air masin yang diteliti kesesuaiannya.

Katanya, projek tersebut dilihat sebagai pendekatan jangka panjang bagi membantu nelayan yang sering terjejas pendapatan sewaktu musim tengkujuh.

“Langkawi telah buktikan ternakan ketam nipah cara moden sangat berkesan. Kini giliran Melaka pula mengadaptasi inovasi ini dengan bantuan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan pengusaha berpengalaman untuk menjadi realiti,” ujarnya.